

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93**

April, 1993

AMU302 - PENGIKLANAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandung DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

Soalan wajib

1. Tahun 2020, pengidap penyakit AIDS di Malaysia telah meningkat 200%. Kebanyakan pengidap penyakit ini adalah di kalangan muda-mudi yang sudah mengamal hubungan seks secara rambang. Penerangan kerajaan tentang penyakit ini tidak lagi berkesan kerana muda-mudi bersikap anti-kerajaan dan tidak hirau kepada maklumat yang diedar melalui semua jenis media. Pihak kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang lebih berani dengan melantik syarikat pengeluar kondom, ALL-SAFE Sdn. Bhd. sebagai syarikat untuk mengedarkan kondom serta mendidik masyarakat tentang penggunaan kondom. Anda selaku pengurus urusan sedang memikirkan dua aspek tentang peluang besar yang baru diberi oleh kerajaan.
 - (a) Bagaimana hendak menggalakkan golongan muda-mudi menggunakan kondom?
 - (b) Membentuk kempen pendidikan golongan ini dengan mengambilkira sensitiviti nilai-nilai masyarakat.

Bentangkan strategi anda dalam situasi ini.

[40 markah]

Jawab TIGA soalan sahaja.

2. Pengiklanan adalah elemen komunikasi dalam proses pemasaran. Terang dengan memberi contoh bagaimana peranan pengiklanan berlainan daripada teknik-teknik pemasaran yang lain.

[20 markah]

...2/-